

Iban Sebuyau Youth Slang: Radial Network Category Framework Analysis

Slanga Remaja Iban Sebuyau: Analisis Kerangka Kategori Jaringan Radial

Clinton Ringit*, Hamidah Abdul Wahab

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: 18020153@siswa.unimas.my

Article history: Received: 09 March 2019 Received in revised form: 20 August 2019 Accepted: 22 August 2019 Published online: 31 December 2019

Abstract

Slang is a free-grammatical rule of language phenomenon that exhibits the invention of vocabulary in a community groups in order to strengthen social identity. Overall, there are 15 data of Iban Sebuyau teenagers slang which has been acquired and separated into noun categories (eight data) and verbs (seven data). This study will analyze seven types of words of Iban Sebuyau teenagers' slang in Sarawak via the verb category. Besides, the slang of Iban Sebuyau teenagers' data will be examined based on the Radial Network Category Framework as suggested by Lakoff (1987). Accordingly, this study applied qualitative methods to obtain field sampling based on 10 teenagers in Sebuyau which has been selected based on their comprehension on the slang. As a result, the findings shows that there are in total of 7 data of Iban Sebuyau teenagers slang has been obtained in verb categories such as *merueh*, *ngaga' peta*, *ngangat nyawa*, *belagu*, *nunjuk langit*, *melabur*, and *fogging*. Overall, the Radial Network Category Framework approach able to describe the extensive meaning of Iban Sebuyau teenagers slang.

Keywords: Slang; meaning extension; Iban youth; Radial Network Category Framework

Abstrak

Slanga merupakan fenomena berbahasa yang bebas daripada peraturan tatabahasa yang memperlihatkan penciptaan kosa kata dalam kelompok masyarakat bagi mengukuhkan identiti sosial. Keseluruhannya, terdapat 15 data slang remaja Iban Sebuyau yang diperolehi dan terbahagi kepada kategori kata nama (lapan data) dan kata kerja (tujuh data). Kajian ini akan menganalisis tujuh perkataan slang remaja Iban Sebuyau, Sarawak melalui kategori kata kerja. Selain itu, data slang remaja Iban Sebuyau, Sarawak akan dianalisis berdasarkan Kerangka Kategori Jaringan Radial yang disarankan oleh George Lakoff (1987). Sehubungan dengan itu, kajian ini menerapkan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data di kawasan lapangan berdasarkan 10 informan remaja Iban yang telah dipilih di sekitar daerah Sebuyau berpandukan kefahaman mereka mengenai slang sebelum pengkaji menjalankan kajian ini. Hasilnya, kajian ini memperoleh tujuh data bahasa slang remaja Iban Sebuyau kategori kata kerja seperti, *merueh*, *ngaga' peta*, *ngangat nyawa*, *belagu*, *nunjuk langit*, *melabur*, dan *fogging*. Secara keseluruhannya, pendekatan Kerangka Kategori Jaringan Radial dapat menghuraikan peluasan makna slang remaja Iban Sebuyau.

Kata kunci: Slang; peluasan makna; remaja Iban; Kerangka Kategori Jaringan Radial

© 2020 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Bahasa menjadi wadah yang penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat dan simbol yang arbitrari untuk sesuatu kumpulan sosial yang berkerjasama (Bloch dan Trager, 1942). Penggunaan bahasa ini kita anggap sebagai sesuatu yang lazim sehinggakan kita jarang membuat penelitian mengenainya. Menurut Chaedar (1993), bahasa menjadi saluran yang penting untuk berkomunikasi dalam satu kitaran bersosialisasi sama ada dilakukan melalui kaedah yang formal atau tidak formal, manakala Bloch dan Trager (1942) turut menyatakan bahawa bahasa adalah sesuatu wahana yang digunakan secara bebas dalam suatu kelompok tertentu. Trend penggunaan bahasa slang khususnya dalam kalangan golongan remaja dilihat semakin berleluasa. Pendapat ini disokong oleh Ayub (2016) menyatakan bahawa penggunaan bahasa slang sentiasa menjadi pilihan dalam pertuturan dalam kelompok sosial untuk mengetengahkan idea, sekali gus penggunaan bahasa slang turut digunakan dalam penulisan akhbar, skrip drama atau lagu. Kini, penggunaan bahasa slang dalam kalangan remaja dilihat menjadi kekangan dalam mengekalkan bahasa yang indah dan standard. Menurut Teo (1996) slang ialah pola bahasa yang bersifat kompleks dan telah di gunakan sejak tamadun manusia wujud terdahulu. Eble (1996) pula mentakrifkan bahasa slang sebagai bentuk perkataan dan ungkapan seharian yang berperanan dalam mengekalkan gaya sosial pertuturan sesuatu kumpulan. Bahasa slang selalu berubah dari semasa ke semasa mengikut perkembangan zaman. Bahasa slang ini lazimnya dikategorikan dalam percakapan